

05 NOV 2001

ASEAN-MAHATHIR

AGENDA JELAS BAGI KEMAJUAN DALAM WTO

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat keperluan untuk menetapkan satu agenda yang amat jelas dan tepat untuk mendapat kemajuan di dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Kita mahu memastikan bahawa ia adalah mengenai perdagangan dan berkaitan perdagangan. Bukan dengan agenda politik tidak tentu," beliau memberitahu pemberita selepas penghujung hari pertama Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Asean Ketujuh.

Beliau berkata terdapat keperluan menentukan agenda kerana terdapat kecenderungan untuk "menyeludup" semua jenis perkara luaran yang akan menjejaskan perdagangan di kalangan negara-negara.

Katanya isu-isu luaran yang sentiasa melemahkan negara-negara sedang membangun tidak patut dibawa masuk.

Apabila ditanya mengenai apakah isu-isunya, katanya, ia termasuk isu-isu seperti kekurangan hak kemanusiaan atau buruh kanak-kanak dan "semuanya yang tertumpu kepada negara-negara sedang membangun.

"Malahan sekiranya tiada terdapat hak kemanusiaan di negara-negara membangun, itu tidak apa," tambahnya.

Katanya ini adalah jenis perkara-perkara yang diselewengkan atau mengelincirkan keseluruhan perkumpulan itu.

Ditanya mengenai penmdirannya semasa Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Shanghai bahawa tidak harus ada pusingan baru perundingan di WTO di Doha Jumaat ini kecuali terdapat agenda yang jelas, katanya beliau mempertahankan pendiriannya.

Katanya jika agenda itu diumumkan, maka ia boleh dikemukakan supaya mengadakan pusingan baru perundingan di dalam WTO.

"Tetapi untuk mendesak bahawa sekiranya kit tidak (mengadakan pusingan baru ini) maka ekonomi dunia akan runtuh, saya tidak fikir ada sebarang asas bagi dakwaan itu.

Malahan sekiranya kita tidak bertemu, kita masih boleh teruskan seperti biasa. Tetapi jika kita mahu kemajuan di dalam WTO, maka kita perlu menetapkan agenda dengan amat-amat jelas dan tepat," tambah beliau.

Mengenai perbincangan dikalangan pemimpin semasa Sidang Kemuncak itu, katanya para pemimpin itu bersetuju bagi Asean meningkatkan kerja sama ekonomi dan perdagangan dan membantu satu sama lain untuk maju.

Beliau berkata terdapat juga keperluan untuk bertukar-tukar maklumat mengenai bagaimana menarik pelaburan asing dan pelaburan di kalangan Asean.

"Kita sedar bahawa terlalu banyak pergantungan kepada satu kepala enjin pertumbuhan, iaitu AS, adalah tidak begitu bijak kerana terdapat kelembapan, kita semua terjejas," tambahnya.

Katanya Asean patut mempelbagaikan aktiviti dan bidang yang perlu ditumpukan ialah perdagangan di kalangan Asean.

Mengenai cadangan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (FTA), katanya para pemimpin begitu menyokong konsep itu tetapi belum lagi menghalusinya.

Katanya pada ketika-ketiknya, sungguhpun terdapat perjanjian mengenai sebuah FTA, pelaksanaannya mungkin memberi manfaat hanya satu pihak dan Asean mahu memastikan bahawa kedua-dua pihak akan mendapat keuntungan daripada FTA itu.

Ini adalah kerana China bukan sahaja satu pasaran yang besar, ia juga pengeluar besar semua jenis barangan kilang yang berada dalam persaingan

langsung kepada barangan-barangan yang dikeluarkan di Asia Tenggara.

"Kami mahu memastikan bahawa kemasukan besar-besaran barangan China di Asia Tenggara tidak akan mengakibatkan industri-industri kami sendiri ditutup," tambahnya.

Mengenai keputusan oleh para pemimpin untuk menubuhkan Sekretariat Asean +3, katanya masanya telah tiba bagi kedua-dua pihak untuk bersatu sebagai Asean dan rakan-rakan kongsi Asia Timurnya telah mengadakan dialog-dialog begitu lama.

Katanya perakuan oleh Kumpulan Wawasan Asia Timur (EAVG) bahawa Asean patut menubuhkan sebuah komuniti Asia Timur masih terlalu awal.

Tetapi sebaliknya, terdapat sedikit kepentingan terhadap peningkatan perdagangan antara negara-negara Asia Timur dan juga keperluan bagi negara-negara Asia Timur berdiri bersama bila-bila terdapat cadangan yang mungkin menjejaskan kepentingan Asia Tenggara dan Asia Timur.

"Jadi jika ada Sekretariat, ia tidak menghasilkan sebuah komuniti Asia Timur tetapi ia akan merapatkan lagi 13 negara bersama dan mengenal pasti bidang-bidang di mana kita perlu membuat perndirian bersama, di mana kita perlu berbahas dan akhirnya mengadakan Sidang Kemuncak dikalangan pemimpin-pemimpin Asia Timur," tambah beliau.

Semasa sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut ditanya kerana beliau seolah-olah tidak ghairah mengenai Sidang Kemuncak Asean-India.

Sebagai jawapan, katanya apabila menubuhkan sesuatu perkumpulan terdapat keperluan menerima anggota-anggota baru tetapi jika ia terus menambah anggota-anggota baru, perkumpulan itu sendiri akan hilang maknanya.

"Kebimbangan kita ialah bahawa apabila saja kita terima India, akan ada negara-negara lain di Asia Selatan yang akan mahu dan mendesak agar mereka juga patut menjadi rakan kongsi," tambahnya.

Bagaimanapun, katanya masalah ini telah diselesaikan dan Asean kini telah menyokong aturan Asean + India digelar Asean + 1. -- BERNAMA

SHO KTC OS